

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

# Syarahan Jemputan Dari Pemain Industri/Alumni Fabric Quality Control: An Industrial Practice

ATIYYAH MUSA

Sebagai usaha memperkaya ilmu kepada para pelajar, satu program syarahan jemputan pihak industri telah dianjurkan oleh pelajar semester 2, Persatuan Pelajar Teknologi Tekstil (TEXSAS). pada 9 Jun 2023 (Jumaat) bermula jam 2.00 sehingga 5.00 petang. Tajuk syarahan "Fabric Quality Control: An Industrial Practice" telah disampaikan oleh Cik Umi Hamurni binti Yusoff, Pegawai Kawalan Kualiti (Quality Control Officer) dari Recron (M) Sdn. Bhd. yang beroperasi di Nilai, Negeri Sembilan, yang juga merupakan alumni program Diploma Teknologi Tekstil, kohort 2011-2014.

Pelbagai teknologi terkini di industri dan juga pengalaman peribadi telah dikongsikan oleh penceramah dan para pelajar juga kelihatan begitu gembira kerana dapat bertanya soalan dan berinteraksi secara lebih dekat dengan penceramah yang juga merupakan senior mereka, sehinggakan tempoh tiga jam yang diperuntukkan dirasakan terlalu singkat untuk program sebegini.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penceramah atas kesudian untuk meluangkan masa berkongsi dengan para pelajar. Tidak lupa juga, ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak penganjur iaitu pelajar Persatuan TEXSAS yang telah berusaha keras untuk menjayakan program ini. Semoga kita dapat berjumpa lagi untuk sesi yang akan datang, InsyaAllah.



Sesi pertemuan bersemuka ini telah berjaya mencapai objektif utamanya iaitu untuk menambah pengetahuan mahasiswa dan mahasiswi melalui pendedahan tentang teknologi pembuatan fabrik yang digunakan oleh pihak industri. Selain itu, program seumpama ini telah mencapai objektif untuk mendekatkan para pelajar dengan industri serta lebih bersedia untuk menghadapi realiti kehidupan di alam pekerjaan kelak. Di samping itu, program syarahan jemputan ini turut memberi nilai tambah berkenaan aspek kepimpinan dan pengurusan program kepada para pelajar yang terlibat.

## "Imagine The World Without Textile"

